

YL Paracetamol 500mg Tablet

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan YL Paracetamol 500mg Tablet
2. Bagaimana YL Paracetamol 500mg Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan YL Paracetamol 500mg Tablet
4. Cara menggunakan YL Paracetamol 500mg Tablet
5. Semasa menggunakan YL Paracetamol 500mg Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan YL Paracetamol 500mg Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan YL Paracetamol 500mg Tablet

YL Paracetamol 500mg Tablet mengandungi 500mg paracetamol. Ia digunakan untuk melegakan demam, kesakitan ringan hingga sederhana termasuk: sakit kepala, migrain, sakit belakang, sakit muskuloskeletal, myalgia dan neuralgia, dismenorea, sakit osteoarthritis, sakit gigi, sakit selepas prosedur pergigian / cabutan gigi, sakit selepas vaksinasi dan ketidakselesaan akibat selsema, influenza dan sakit tekak.

Bagaimana YL Paracetamol 500mg Tablet berfungsi

YL Paracetamol 500mg Tablet ialah analgesik dan antipiretik yang bertindak secara pusat dengan sifat anti-radang yang minimum.

Sebelum menggunakan YL Paracetamol 500mg Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil YL Paracetamol 500mg Tablet jika anda ada alahan kepada paracetamol atau acetaminophen.

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap paracetamol/ acetaminophen, sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Sebelum anda mengambil YL Paracetamol 500mg Tablet, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai sebarang masalah perubatan.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sediaan ini mengandungi Paracetamol/ acetaminophen.

Jangan mengambil sediaan lain yang mengandungi Paracetamol/ acetaminophen pada masa yang sama.

Kesan ubat lain boleh berlaku sekiranya diambil bersama YL Paracetamol 500mg Tablet.

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Elakkan minum alkohol semasa mengambil YL Paracetamol 500mg Tablet. Sekiranya anda mengalami gangguan fungsi buah pinggang, sila rujuk doktor untuk pelarasan dos.

Cara menggunakan YL Paracetamol 500mg Tablet

Telan ubat dengan air ataupun minuman lain.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Ahli farmasi anda akan menasihatkan dos yang diperlukan setiap hari dan tempoh pengambilan ubat ini. Ini bergantung kepada keadaan anda dan jika anda mengambil mana- mana ubat-ubatan lain.

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas: 500mg atau 1g paracetamol (1 or 2 tablets), diambil setiap 4-6 jam mengikut keperluan sehingga maksimum 4g (8 tablets) sepanjang tempoh 24 jam.

Kanak-kanak 6 - 11 tahun: 250mg atau 500mg paracetamol (1/2 or 1 tablet), diambil setiap 4-6 jam mengikut keperluan sehingga maksimum 2g (4 tablets) sepanjang tempoh 24 jam.

Dos sepanjang tempoh 24 jam maksimum: 60mg/kg diberikan dalam dos terbahagi sebanyak 10-15mg/kg sepanjang tempoh 24 jam.

Kanak-kanak di bawah umur 6 tahun: Tidak disyorkan.

Jangan melebihi dos yang disyorkan.

Gunakan dos berkesan yang paling rendah dan untuk tempoh rawatan yang paling singkat.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kegagalan hati

yang mungkin memerlukan pemindahan hati atau boleh membawa kepada kematian. Kerosakan hati boleh berlaku pada orang dewasa yang telah mengambil 10 g atau lebih Paracetamol. Pengambilan 5 g atau lebih Paracetamol boleh menyebabkan kerosakan hati jika pesakit mempunyai faktor risiko.

Semasa menggunakan YL Paracetamol 500mg Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda. Sila rujuk doktor anda jika anda memerlukan sebarang penjelasan atau jika simptom berterusan.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan YL Paracetamol 500mg Tablet.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sakit kepala yang berterusan.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan YL Paracetamol 500mg Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan YL Paracetamol 500mg Tablet terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, YL Paracetamol 500mg Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Gejala-gejala termasuk kulit kemerahan, lepuh atau ruam. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan sampingan Paracetamol adalah jarang berlaku dan biasanya ringan, walaupun reaksi hematologi telah dilaporkan. Kesan sampingan termasuk gangguan sistem darah dan limfa seperti Trombositopenia dan Agranulositosis, gangguan sistem imun seperti Anafilaksis dan reaksi hipersensitiviti kutaneus seperti antara lain, ruam kulit dan angioedema. Kes yang sangat jarang berlaku melibatkan reaksi kulit serius telah dilaporkan, gangguan pernafasan, toraks dan mediastinum seperti Bronkospasme (lebih berkemungkinan berlaku pada pesakit asma yang sensitif terhadap aspirin atau ubat anti-radang bukan steroid (NSAID)) serta gangguan hepatobiliari seperti disfungsi hepatic.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan YL Paracetamol 500mg Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih hingga putih pudar, tidak bersalut, berbentuk bujur dan cembung, dengan garis skor pada 1 bahagian dan kosong pada bahagian lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi Paracetamol 500 mg.

- Bahan tidak aktif

Corn Starch, Pregelatinized Starch, Sodium Starch Glycolate, Povidone, Steric Acid, Purified Water.

- Nombor MAL

YL Paracetamol 500mg Tablet
MALxxxxxxxxX

Pengilang

Yanling Natural Hygiene Sdn. Bhd.

2, 2A, 6, 8, 10, 12, 12A, 16, 18, 20 & 22, Jalan S.B. Jaya 11, Taman Industri S.B. Jaya, 47000 Sungai Buloh, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Yanling Natural Hygiene Sdn. Bhd.

21, Jalan S.B. Jaya 11, Taman Industri S.B. Jaya, 47000 Sungai Buloh, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

26/06/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/043